

06/05/1998

Belia wajar pertahan imej negara

Nazri Muslim

MAJALAH International Herald Tribune (IHT) yang disiarkan di Paris pada 1990 pernah melaporkan bahawa Malaysia disenaraikan sebagai negara yang tidak selamat dikunjungi. Antara negara yang turut disenaraikan bersama Malaysia ialah Pakistan, Thailand dan beberapa negara di Asia tanpa ada satupun negara Barat.

Itu adalah antara ribuan laporan yang disiarkan oleh media asing bertujuan memburukkan imej negara. Kenyataan itu seolah-olah cuba menafikan keadaan yang berlaku di New York dengan kadar jenayah seperti rogol, rompakan, membunuh dan bermacam lagi berlaku secara puratanya selang tiga minit. Adakah itu pernah terjadi di Malaysia?

Umumnya, media asing terbabit boleh dirujuk sebagai bahan komunikasi sama ada berbentuk media cetak mahupun media elektronik yang dikuasai atau operasinya dijalankan di luar Malaysia. Antara contoh media asing yang sering menyentuh situasi di Malaysia seperti AsiaWeek, Far Eastern Economic Review dan Asian Wall Street Journal. Ini tidak termasuk media di Australia dan Barat seperti Sunday Times.

Jika diteliti, didapati era kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering dijadikan sasaran laporan yang memberi tanggapan negatif terhadap imej Malaysia. Hal ini timbul kemungkinan mereka cemburu terhadap kejayaan Malaysia yang mampu membangunkan ekonomi negara dan mengekalkan kestabilan politik.

Malah, suara Malaysia mula didengari di arena antarabangsa sebagai penggerak kepada penubuhan Kumpulan 15 (G-15), penganjur Sukan Komanwel ke-16, pengerusi persidangan antarabangsa mengenai dadah dan penyelewengan dadah serta yang terkini apabila usaha menubuhkan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tanpa penyertaan Amerika Syarikat dan negara Barat, dicanangkan.

Justeru, apakah fungsi generasi muda dalam mengatasi isu itu? Tidak terpenggilkah pemuda dan pemudi untuk mempertahankan maruah negara daripada diperlakukan sedemikian rupa?

Menyebut mengenai generasi muda, kita boleh kategorikannya sebagai belia, pemuda, pelajar dan remaja. Jika kita ingin mengukur dari segi umur pula, mereka yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun adalah paling tepat untuk menggambarkan keseluruhan generasi muda.

Sebagai generasi muda, mereka adalah harapan negara, penuh dengan cita-cita, keazaman, kecergasan serta ketajaman minda dalam mengendalikan sesuatu isu. Peluang ini sewajarnya digunakan semaksimum mungkin dalam menangani isu yang diperbincangkan ini.

Secara umumnya, generasi muda berupaya mengatasi permasalahan ini melalui tiga metod iaitu psikologi, diplomasi dan akhirnya, radikal. Melalui kaedah psikologi, ia bermaksud generasi muda perlu menunjukkan contoh serta teladan terunggul. Ia hanya membabitkan satu pihak dan tidak membabitkan media asing.

Sebagai contoh, media elektronik Australia pernah menyiarkan filem Turtle Beach dan antara adegan yang dipertontonkan ialah sekumpulan orang Melayu membunuh pelarian Vietnam.

Maka, dengan pendekatan ini generasi muda perlu mempamerkan bagaimana masyarakat Melayu, Cina dan India boleh hidup bersama secara aman di Malaysia dengan tiada pertumpahan darah. Pada Majlis Belia Malaysia (MBM) sendiri, ahli jawatankuasa terdiri daripada pelbagai kaum. Jadi, mana mungkin orang Melayu boleh bertindak seperti itu.

Kerjasama yang erat dengan pihak media tempatan juga perlu dijalin. Generasi muda wajar menyalurkan buah fikiran yang bernas menerusi penulisan dan pengucapan pada akhbar, majalah mahupun televisyen bagi berfungsi apabila timbul isu yang tidak berasas oleh media asing.

Melalui dunia teknologi maklumat (IT) dewasa ini, generasi muda perlu memanfaatkan medium seperti Internet dan pelbagai saluran komunikasi canggih bagi menerangkan penyelewengan yang dibuat terhadap isu itu.

Siswa dan siswi pula harus bersama memikul tanggungjawab ini. Keintelektualan yang dimiliki mereka harus digunakan bagi menghujah kembali isu yang diutarakan oleh media asing secara akademik.

Kemungkinan mereka boleh membuat penyelidikan mengenai isu yang disiarkan agar hasil kajian itu mampu menafikan berita yang tiada asas.

Tanggungjawab ini bukan hanya di atas bahu generasi muda dalam negara tetapi termasuk pelajar di luar negara seramai 50,000 orang itu. Mereka perlu bertindak memberi maklumat mengenai Malaysia kepada penduduk negara luar dan media terbabit.

Kedua, dengan cara diplomasi yang digunakan apabila membabitkan media asing atau secara mudahnya melalui komunikasi bersemuka. Malaysia yang selama ini diberi kepercayaan memegang beberapa jawatan penting seperti presiden mahupun ahli jawatankuasa persatuan belia sama ada di peringkat antarabangsa, Asia dan Asean, seharusnya menggunakan peluang itu.

Pertubuhan belia seperti Majlis Belia Asia (AYC) yang ditubuhkan pada 1972, Jawatankuasa Belia Asean (CAYC - 1978) dan Majlis Perhimpunan Belia Antarabangsa (WAMY) serta pertubuhan multilateral seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Persidangan Negara Islam (OIC), Asean dan Komanwel, setidak-tidaknya ia boleh dijadikan platform bagi belia negara ini menerangkan segala laporan palsu yang disiarkan media asing.

Penghantaran belia keluar negara juga perlu dibuat sekerap mungkin atau program pertukaran belia sesebuah negara dan juga melalui bidang kesukarelaan seperti Yayasan Salam. Di samping bermatlamatkan kebudayaan dan atas dasar kemanusiaan, cara ini perlu dimanfaatkan oleh belia bagi menggambarkan keadaan hidup rakyat Malaysia.

Pertubuhan belia juga boleh menjemput wakil media asing melihat situasi di Malaysia atau bersemuka bagi membincangkan laporan bumi Malaysia diliputi tanaman atau hutan semula jadi. Pemusnahan hutan diganti dengan tanaman kelapa sawit atau getah dan pemuliharaan hutan. Jika media Australia menggambarkan Malaysia tidak berhati perut menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kerana memiliki dadah kepada dua rakyatnya iaitu Barlow dan Chambers, saksikan kepada media asing bahawa betapa kritikalnya masalah dadah di negara ini.

Ia bukan setakat menghancurkan ratusan ribu remaja mengenai masa depannya atau seperti mayat hidup malah meruntuhkan masyarakat Malaysia keseluruhannya dengan pelbagai masalah yang timbul. Atas alasan inilah Malaysia terpaksa bertegas dalam menguatkuasakan undang-undang dadah di bawah Akta Dadah Merbahaya 1959.

Akhirnya, melalui pendekatan radikal yang bererti generasi muda berpiket, berdemonstrasi mengadakan perhimpunan raksasa seperti di Dataran Merdeka dan menghantar memorandum bantahan melalui kedutaan asing terhadap media masa negara terbabit. Namun, ia perlu dibuat secara aman dan mengikut undang-undang yang ada.

Maka, pimpinan belia seperti Datuk Mohd Ali Rustam, Anuar Tahir dan Datuk Suhaimi Ibrahim perlu menggembeleng tenaga belia di negara ini bersatu bagi membantah tohmahan yang disiarkan oleh media asing terhadap Malaysia melalui penubuhan jawatankuasa ad hoc.

Jika ia sampai ke peringkat serius seperti akhbar Britain, Sunday Times, pada 1994 yang menuduh Dr Mahathir menerima rasuah AS\$500,000 bagi membolehkan syarikat Britain mendapat tender kerajaan dan media Singapura

yang menyokong kenyataan Lee Kuan Yew bahawa Johor adalah negeri yang tidak selamat, penuh dengan ancaman jenayah, maka generasi muda perlu bertindak dan berganding bahu bersama NGO (Fomca, MTUC dan CAP), badan korporat dan ahli politik.

Mereka boleh mendesak kerajaan mengkaji semula hubungan antara kedua-dua negara terbabit atau berkempen menyeru rakyat memboikot barangan negara berkenaan. Walaupun cara ini agak keras, namun demi menjaga maruah, ia perlu dibuat.